

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR**  
**[LEMBAH PANTAI ]**

**SOALAN :**

**YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [LEMBAH PANTAI]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan menggunakan ukuran kemiskinan progresif ataupun Indeks Kemiskinan Multidimensi, berikutan Laporan Pembangunan Sumber Manusia Malaysia 2013 UNDP bahawa jumlah kemiskinan relatif di Malaysia meningkat sejak tahun 2007; dengan 20% isi rumah dianggap miskin tegar pada tahun 2012.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, indeks kemiskinan pelbagai dimensi (MPI) yang digunakan untuk mengukur ketersisihan (*deprivation*) telah pun diperkenalkan oleh Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). MPI akan melengkapi pengukuran berdasarkan pendapatan garis kemiskinan (PGK) dan melihat kemiskinan dari segi insiden dan intensiti ketersisihan dari aspek selain pendapatan seperti pendidikan, kesihatan dan keadaan tempat tinggal.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, konsep MPI tidak boleh dibandingkan dengan konsep kemiskinan relatif. Ini kerana konsep kemiskinan relatif lebih menjurus kepada konsep perbandingan di mana tahap 'kemiskinan' seseorang adalah bergantung kepada tahap 'kemiskinan' orang lain. Misalnya, perbandingan di antara isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40), isi rumah berpendapatan 40 peratus menengah (M40) dan isi rumah berpendapatan 20 peratus tertinggi (T20).

Ahli Yang Berhormat ada menyatakan bahawa berdasarkan Laporan Pembangunan Sumber Manusia Malaysia 2013 UNDP, jumlah kemiskinan relatif di Malaysia meningkat sejak tahun 2007, dengan 20 peratus isi rumah dianggap miskin tegar pada tahun 2012. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, metodologi yang diguna pakai dalam laporan tersebut adalah berdasarkan separuh daripada pendapatan penengah pada tahun 2012 manakala metodologi yang digunapakai

oleh Malaysia adalah berdasarkan kaedah "*Cost of Basic Needs*" yang mengambil kira tiga komponen asas iaitu keperluan makanan, keperluan bukan makanan dan ciri-ciri isi rumah yang berkaitan. Memandangkan metodologi yang digunakan adalah berlainan, perbandingan tidak boleh dibuat di antara satu sama lain.

Untuk itu, kenyataan bahawa 20 peratus isi rumah dianggap miskin tegar adalah tidak benar. Kadar kemiskinan negara telah berkurangan daripada 1.7 peratus pada tahun 2012 kepada 0.6 peratus pada tahun 2014.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR**

**SOALAN : 512**

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [ Lembah Pantai ] minta MENTERI  
PENGANGKUTAN menyatakan :-**

- (a) apakah Kerajaan akan mewajibkan pengusaha bas ekspres dan bas persiaran untuk memasang tali pinggang keledar bagi meningkatkan kadar keselamatan bagi penumpang bas; dan
- (b) sekiranya tidak, apakah halangan yang dihadapi untuk melaksanakan peraturan seperti ini.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha untuk meningkatkan tahap keselamatan pengangkutan awam, Kerajaan bercadang untuk menguatkuasakan pemasangan tali pinggang keledar terhadap bas dan pemakaian tali pinggang keselamatan terhadap penumpang bas. Buat masa ini, Kementerian ini dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sedang dalam proses untuk melakukan pindaan terhadap peruntukan undang-undang sedia ada iaitu Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Tali Pinggang Keledar)1978.

Dalam masa yang sama, Kerajaan juga sedang meneliti beberapa isu pelaksanaan yang berbangkit seperti kaedah/mekanisme penguatkuasaan, tindakan saman sama ada dikenakan terhadap pengusaha bas atau penumpang dan implikasi kos terhadap pengusaha bas. Isu-isu ini perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum dikuatkuasakan bagi memastikan kelancaran dalam pelaksanaannya kelak.